

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ ANJUR MAJLIS MESRA GONG XI FA CAI KALI KE-10

Penganjuran Majlis Mesra Gong Xi Fa Cai tahun ini merupakan kali kesepuluh yang pernah dianjurkan oleh MBPJ di bawah prinsip usahasama local agenda 21 Petaling Jaya. Tujuan penganjuran Majlis Mesra ini adalah untuk mengeratkan lagi integrasi sosial dan merapatkan hubungan antara semua lapisan masyarakat melalui penganjuran majlis perayaan seumpama ini. Penganjuran majlis ini juga telah mewujudkan semangat silaraturahim yang rapat antara semua pihak berkepentingan yang merupakan intipati penting kepada visi untuk memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari.

Semua pihak telah sama-sama berganding bahu untuk menjayakan Majlis Malam Perayaan ini yang diketuai oleh Cik Tiew Way Keng, Ahli Majlis MBPJ selaku pengurus penganjur, Ahli Majlis MBPJ, Apac, Persatuan Penduduk Sea Park, Rukun Tetangga Kg Chempaka, Persatuan Penduduk Aman Suria, Persatuan Penduduk SS2 Selatan, Chempaka Buddhist Lodge, Persatuan Penduduk Taman Mayang Jaya dan Organisasi lain.

Selaras dengan hasrat MBPJ menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah, buat pertama kalinya MAJLIS MESRA GONG XI FA CAI ini berkonsepkan hijau di mana bekas bungkusan makanan adalah bahan biodegradable, maskot kitar semula 3R, pameran hijau dan maklumat linisiatif Hijau Majlis seperti rebat cukai, insentif kereta hybrid, e-cukai taksiran diedarkan serta promosi pengangkutan hijau menerusi perarakan kereta beca dan basikal elektrik mengelilingi Pusat Bandar Seksyen 52.

Cabutan bertuah dengan tawaran sebanyak 100 hadiah menanti pengunjung bertuah antaranya komputer tablet, televisyen dan kupon meletak kereta secara percuma. Selain itu pengunjung juga turut berpeluang untuk menyertai pelbagai acara lain yang telah disediakan antaranya peraduan kaligrafi, peraduan teka-teki di samping berhibur dengan pelbagai persembahan pentas.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-
6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my